



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 15 JULAI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	LULUSAN KEJURUTERAAN 'LARI BIDANG' PILIH TANAM TIMUN, DALAM NEGERI, UM- 31	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	BARANG KEPERLUAN LEBIH MURAH : FAMA ANJUR 840 PROGRAM JUALAN TERUS DARI LADANG SEHINGGA DISEMBER, NASIONAL, SH - 7	
3.	SMART SAWAH SELAMATKAN PETANI MISKIN DARI AH LONG, NEGARA, KOSMO -17	LAIN-LAIN
4.	SMART SAWAH BANTU SELAMATKAN PETANI, DALAM NEGERI, UM -29	
5.	JEJAK LOKASI BAHARU PASANG BUBU NAGA, LOKAL, HM -20	
6.	ZPEU BANTU GOLONGAN ASNAF DAN MISKIN JAMIN BEKALAN MAKANAN, NASIONAL, SH- 12	
7.	BEKU IMPORT DAGING HALAL AUSTRALIA, DALAM NEGERI, UM -2	
8.	JAKIM TIDAK IKTIRAF AHDA, DALAM NEGERI, UM- 5	
9.	16 HEKTAR TANAH WAKAF UNTUK PROJEK PERTANIAN, NASIONAL, SH -12	
10.	NCIA WUJUD ZON EKONOMI AGRIBIO, EKONOMI, UM -36	
11.	MORE THAN PUTTING FOOD ON TABLE, NEWS, STAR METRO -2-3	
12.	WEED-FILLED BACK LANES IN GOMBAK TURNED INTO THRIVING VEGETABLE PLOTS, NEWS, STAR METRO -2-3.	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Lulusan kejuruteraan 'lari bidang' pilih tanam timun

Oleh NOR AINNA HAMZAH  
utusannews@mediamulia.com.my

**TAMPIN:** Seorang lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Biosistem) dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mahu menjadikan bidang pertanian sebagai sumber pendapatannya sekeluarga, biarpun terpaksa 'lari bidang'.

Menamatkan pengajian pada 2018, Rabiatul Adawiyah Nordin, 30, tidak mahu berterusan menunggu tawaran peluang pekerjaan yang 'sepatutnya' menjanjikan gaji lebih lumayan.

Malah jelasnya, sokongan suami, Ikmal Safiqraz Abdulah, 30, menguatkan semangat untuk mengusahakan tanaman timun di tanah seluas kurang satu ekar di Felda Pasir Besar, Gemas di sini.

Menurutnya, projek tanaman timun itu diceburi hasil bantuan modal ditawarkan agensi kerajaan melalui Program Agropreneur Muda dan tanah yang dimohon daripada pihak Felda.

"Kami usahakan tanaman ini dua tahun lalu dan berdepan cabaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta pasaran jualan tidak menentu.

"Namun saya dan suami tidak patah semangat dan te-



**RABIATUL Adawiyah Nordin menuai hasil tanaman timun yang diusahakannya di Felda Pasir Besar, Gemas, Tampin. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH**

rus mengusahakannya. Sehingga penghujung Jun lalu, kami sudah menuai hasil timun lebih lima tan serta pasarnya dibantu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Jelasnya, sebelum ini, dia mengusahakan tanaman cili

fertigasi, namun kerana kurang pengalaman, projek itu tidak mengeluarkan hasil diharapkan.

"Kami kemudian pilih projek timun menggunakan teknik fertigasi gantung. Ia lebih fleksibel untuk mengutip hasil tanpa perlu membongkok serta tanaman juga tidak terganggu

dengan rumput.

"Alhamdulillah, kini kami memperoleh pendapatan agak baik, tetapi, lebih penting kami dapat membantu meningkatkan hasil pertanian dalam negara," katanya yang turut menyarankan lulusan universiti melihat bidang pertanian sebagai satu pilihan kerjaya.

## Barang keperluan lebih murah

FAMA anjur 840 program jualan terus dari ladang sehingga Disember

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan terus membantu rakyat mendapatkan keperluan harian pada harga lebih murah dari pasaran dengan menganjurkan 840 Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) dalam tempoh enam bulan tahun ini.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali berkata, program di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) itu akan dilaksanakan di 70 lokasi terpilih seluruh negara bagi meringankan beban rakyat dengan sasaran nilai kutipan jualan sehingga Disember nanti melebihi RM10.5 juta.

Menurut beliau, seramai 8,400 usahawan pelbagai barangan keperluan seperti ayam segar, ikan, buah-buahan, telur ayam dan produk industri asas tani akan terlibat yang menawarkan penjimatan harga antara 5 hingga 10 peratus berbanding pasaran setempat.

"Sejak 1 Jun lalu, sebanyak 267 program JTDLKM telah dilaksanakan dengan nilai jualan berkumpulan RM3.1 juta. Melalui penganjuran setakat ini, sebanyak RM316,800 penjimatan telah dipertahankan 150,000 penganjur program ini."

"Di negeri Terengganu sahaja, JTDLKM telah dianjurkan di 22 lokasi melibatkan seramai 359 usahawan," katanya selepas hadir meninjau Program Khas JTDLKM yang diadakan di Tapak Pasar Malam Medan Jaya, Rusila di sini, Sabtu lalu.

Program jualan bermula jam 8 pagi itu menawarkan pelbagai jenis barang keperluan harian pada harga lebih murah dengan ayam segar dijual RM8 sekiogram berbanding harga siling RM9.40.

Program khas JTDLKM melibatkan kerjasama lima agensi di bawah MAFI iaitu FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat).

Di antara lokaliti pelaksanaan program berkenaan termasuklah di kawasan perumahan, pejabat kerajaan dan projek-projek peruncitan bimbingan agensi-agensinya.

Zainal Abidin berkata, FAMA melihat pemasaran hasil pertanian secara terus kepada pengguna sebagai satu lagi kaedah untuk mengurangkan



Jualan terus dari ladang membantu usahawan tani dari luar bandar meneroka pasaran baharu.

kebergantungan pengeluaran kepada orang tengah sekali gus memberi peluang kepada pengguna mendapat barang dengan harga lebih rendah.

"Program ini dapat memendekkan rantaian pemasaran agromakanan bagi memberi harga yang terbaik kepada pengguna."

"Ini selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk meneruskan konsep Jihad Memerangi Orang Tengah kerana semua usahawan yang terlibat dalam JTDLKM merupakan pengeluar hasil pertanian itu sendiri," katanya.

### BANTU USAHAWAN LUAR BANDAR

Program Khas JTDLKM dilakui berkesanan membantu usahawan luar bandar memasarkan hasil pertanian mereka.

Usahawan tani, Jannatul Adnin Yahaya, 36, yang mengusahakan tanaman ubi kayu di Kampung Baru Mawai, Kota Tinggi akui JTDLKM berjaya mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah.

"Sebagai usahawan muda, sudah tentu saya mahu produk makanan berasaskan ubi kayu dipertuankan lagi pasarnya."

"Langkah FAMA mengadakan JTDLKM sangat bagus kerana dapat membantu usahawan luar bandar mencari

pasaran lebih baik dan terus dari ladang," katanya yang turut menghasilkan tapai dan opak ubi kayu di Felda Bukit Wahu sejak 2005.

Sementara itu, Mohd Khairul Nizam Mohd Amin, 42, yang terlibat dengan tanaman nenas di Kampung Parit Yusof, Muar turut bersetuju program JTDLKM membantu pekebun luar bandar sepertinya.

Katanya, hasil pertanian dapat dipasarkan tanpa orang tengah sekali gus memberi banyak kelebihan kepada usahawan luar bandar.

"Saya menyertai program ini sejak 2017. Saya mengenali pemborong besar dari Kuala Lumpur yang mahu membeli nenas secara terus dari ladang."

"Kini, saya menghantar lebih 15 tan nenas dari varieti MD2, Morris dan Josapine dengan menggunakan lori pada setiap minggu ke Kuala Lumpur," katanya.

### TINGKAT PENDAPATAN

Peniaga di Pulau Pinang menyifatkan program JTDLKM bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna malah membantu usahawan meningkatkan pendapatan.

Peniaga buah-buahan, Aznan Darus dari Tasek Gelugor berkata, penganjuran seperti ini perlu diperluaskan lagi agar produk segar dari ladang dapat terus



Jannatul Adnin akui JTDLKM dapat mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah.



AZNAN

dipasarkan kepada pengguna tanpa melalui orang tengah.

"Melalui program ini, kami dapat pasarkan terus kepada orang ramai produk jualan yang dijual lebih murah berbanding tempat lain."

"Kami menerima ramai pelanggan baharu sekali gus merencanakan lagi jualan," katanya yang berpendapat supaya program diadakan di kawasan terbuka bagi memudahkan pengunjung singgah membeli-belah.

Peniaga daging, Mohamad Nizar Mohd Nazri gembira dapat menjual sekitar 100 kilogram daging setiap kali JTDLKM diadakan di sini.

"Alhamdulillah, setiap kali JTDLKM diadakan, jualan daging kami akan habis. Ini bukan sahaja memberi manfaat kepada orang ramai untuk mendapatkan barangan yang murah malah memberi keuntungan kepada peniaga yang terlibat," katanya.



Zainal Abidin (empat dari kanan) melihat buah melon yang dijual seorang usahawan pada Program Khas JTDLKM yang diadakan di Tapak Pasar Malam Medan Jaya, Rusila, Marang.



Produk hasil laut turut dijual kepada pengguna sepanjang Program Khas JTDLKM.

### FAKTA TENTANG JTDLKM

- 840 program sehingga Disember.
- 70 lokasi di seluruh negara.
- 8,400 usahawan terlibat
- Penjimatan harga antara 5% -10%.

## Smart Sawah selamatkan petani miskin dari ah long

**ALOR SETAR** – Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) memelihara petani dalam kalangan kurang berkemampuan di negeri ini menyertai program Smart Sawah Berskala Besar untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Syeikh Zakaria Othman berkata, program yang bermula sejak 2019 itu kini memanfaatkan sebanyak 45 keluarga asnaf fakir dan miskin di daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Kuala Muda dan Yan.

"Sawah padi yang dimiliki sekitar 200 hektar dan kesemua tanah berkenaan diusahakan oleh petani miskin yang kita temu duga serta terpilih jadi peserta. Mereka tidak perlu keluaran sebarang kos kerana semua disediakan oleh LZNK.

"Mereka cuma perlu usahakan sawah itu mengikut jadual ditetapkan. Sudah dua musim kita laksanakan program ini dengan pencapaian agak baik apabila setiap hektar berjaya menghasilkan 7.8 tan metrik padi," katanya di sini semalam.

Menurutnya, pelbagai fae-

dah lain turut diperoleh peserta Smart Sawah termasuk pinjaman tanpa faedah daripada bank sebagai sara hidup mereka sebelum padi dituai.

"Jika mereka perlukan wang untuk perbelanjaan sebelum musim menuai, kita bekerjasama dengan bank untuk beri pinjaman kepada peserta RM1,000 setiap bulan.

"Pinjaman tersebut tanpa faedah yang mana apabila hasil padi dijual, zakat akan bayar balik kepada bank," ujarnya.

Beliau berkata, kebanyakan petani miskin di Kedah ketika ini bergantung modal daripada pihak ketiga termasuk ah long dan ceti sehingga menyebabkan bebanan hutang yang tinggi, malah sawah berkenaan berisiko tergadai.

Tambahnya, LZNK juga bersedia menyelamatkan tanah-tanah berkenaan yang dipajakan kepada pihak ketiga.

"LZNK bersedia uruskan bendang ini dan juga ajak petani menyertai Smart Sawah. Sekiranya ada yang nak sewakan, zakat jamin akan jaga tanah itu," katanya.



**PROGRAM Smart Sawah di Yan yang diuruskan LZNK bagi membantu petani asnaf fakir dan miskin.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



SMART Sawah di Yan, Kedah yang dluruskan oleh LZNK untuk membantu petani asnaf, fakir dan miskin.

# Smart Sawah bantu selamatkan petani

Oleh **JAMLI AH ABDULLAH**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mempelawa petani di negeri ini menyertai program Smart Sawah berskala besar untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Datuk Syeikh Zakaria Othman berkata, program yang bermula sejak 2019 itu kini memanfaatkan sebanyak 45 keluarga asnaf, fakir dan miskin di Kota Setar, Kubang Pasu, Kuala Muda dan Yan.

"Sawah padi yang dimiliki sekitar 200 hektar dan kesemua tanah berkenaan diusahakan oleh petani miskin yang kita temuduga serta terpilih jadi peserta. Peserta tidak perlu keluaran apa-apa kos, semua disediakan oleh LZNK.

"Mereka cuma perlu usahakan sawah itu mengikut jadual

ditetapkan. Sudah dua musim kita laksanakan program ini dengan pencapaian agak baik apabila setiap hektar berjaya hasilkan 7.8 tan metrik padi dan sasaran bagi musim akan datang adalah 9 tan metrik," katanya di sini semalam.

Katanya, pelbagai faedah lain diperoleh peserta Smart Sawah berkenaan termasuk pinjaman tanpa faedah daripada bank sebagai sara hidup mereka sebelum padi dituai.

"Dalam masa sebelum musim menuai sekiranya dia perlukan duit bagi perbelanjaan, kita kerjasama dengan bank bagi pinjaman tanpa faedah kepada peserta RM1,000 setiap bulan dan selepas jual padi LZNK akan bayar semula kepada bank," katanya.

Tambah Syeikh Zakaria, kebanyakan petani miskin di Kedah ketika ini bergantung modal daripada pihak ketiga termasuk ahlong dan ceti sehingga me-

nyebabkan bebanan hutang yang tinggi malah sawah berkenaan berisiko tergadai.

"Orang kita bergantung modal dengan ahlong, petani bergantung modal dengan broker. Sudah ada jadi jutawan kerana bagi modal kepada petani sahaja kerana bagi bunga tinggi.

"Pak tani, satu musim buat, jika padi tak jadi dan tak untung, musim itu dia tak mampu keluar daripada hutang jadi nak teruskan kehidupan dia hutang lagi sehingga akhirnya sawah tergadai. Inilah punca tanah sawah orang kita jatuh kepada pihak ketiga," katanya.

Tambahnya, LZNK juga bersedia menyelamatkan tanah-tanah berkenaan yang dipajakkan kepada pihak ketiga.

"LZNK bersedia uruskan bendang ini ajak petani sertai Smart Sawah. Sekiranya ada yang nak sewakan zakat jamin akan jaga tanah itu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2022	HARIAN METRO	LOKAL	20



## Jejak lokasi baharu pasang bubu naga

**Alor Setar:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kedah mengesan beberapa lokasi baharu disyaki menjadi *port* pemasangan bubu naga untuk penangkapan ikan secara haram di sekitar perairan Kuala Kedah dan Yan.

*Port* itu dikesan berikutan penemuan pancang penanda yang dipasang pada setiap bubu naga berukuran lebih kurang 10 meter panjang di beberapa lokasi berbeza sepanjang perairan bagi mengelak dari bubu naga itu dirampas pihak berkuasa.

Bagaimanapun, perbuatan itu berjaya dihidu pihak berkuasa sebelum merampas 32 set bubu kambang atau bubu naga (*China prawn net trap*) di sekitar dua kawasan berkenaan dalam tempoh dua hari pada Isnin dan Selasa lalu.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Is-hak mengesahkan perkara itu dan berkata, peralatan bubu naga itu dirampas

anggotanya dalam operasi Op Aman yang dilakukan itu.

Beliau berkata, 17 set bubu naga berjaya dirampas pada 11 Julai lalu di sekitar kawasan perairan Tebengau manakala 15 set lagi dirampas pada 12 Julai lalu di kedudukan 0.5 batu nautika perairan Kuala Dulang.

“Sepanjang operasi pemantauan dilakukan, beberapa lokasi baharu dikenal pasti melalui penemuan pancang penanda yang dipasang pada setiap bubu naga berukuran lebih kurang 10 meter panjang di beberapa lokasi berbeza sepanjang perairan kawasan itu.

“Penggunaan bubu naga ini hanya akan menjejaskan ekosistem spesies ikan kecil di dasar laut.

“Semua bubu naga berkenaan dirampas dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c), Akta Perikanan 1985,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

## ZPEU bantu golongan asnaf dan miskin, jamin bekalan makanan

**ALOR SETAR** – Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mengusahakan tanaman dan ternakan bagi membantu golongan asnaf dan miskin, sekali gus menjamin bekalan makanan melalui Zon Pembangunan Ekonomi Ummah (ZPEU).

Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Datuk Zakaria Othman berkata, bagaimanapun projek melibatkan tanaman padi berkenaan tidak diusahakan di tanah wakaf, sebaliknya tanah milik Zakat Kedah.

Beliau berkata, kira-kira 201 hektar sawah padi diusahakan di zon terbabit menerusi estet padi melibatkan peserta dipilih

dalam kalangan asnaf dan miskin.

“Melalui ZPEU, setiap seorang peserta akan menguruskan 2.8 hektar sawah padi, yang mana semua kos termasuklah benih, racun, traktor dan dron ditanggung oleh LZNK.

“Kita harap aktiviti pertanian diusahakan mampu memanfaatkan golongan berkenaan, sekali gus juga dapat menjamin sekuriti makanan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Zakaria, pada musim lepas, purata 7.8 tan per hektar hasil pengeluaran padi diperolehi di ZPEU LZNK yang merangkumi tiga daerah iaitu Yan, Alor Setar dan Kubang

Pasu.

“ZPEU turut dilaksanakan menggunakan modul baharu dengan memperkenalkan sistem pertanian campuran apabila peserta juga boleh memperoleh hasil sampingan melalui aktiviti pertanian lain seperti tanaman sayur-sayuran,” ujar beliau.

Terbaru, katanya, LZNK juga telah mengambil sebarang peserta untuk mengusahakan ternakan itik di kawasan sawah padi dan turut memiliki kolam ikan.

Zakaria berkata, pihaknya mengalu-alukan sekiranya ada syarikat ingin mewakafkan tanah mereka kepada LZNK untuk melaksanakan projek tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

## Beku import daging halal Australia

BEBERAPA siri pendedahan *Utusan Malaysia* tentang pengakuan tiga bekas pekerja berhubung ketidakpatuhan halal sebuah rumah sembelihan di Brisbane, Queensland sejak Selasa lalu menimbulkan kekhawatiran kepada umat Islam di negara ini.

Kita amat berterima kasih kepada individu terlibat yang hanya mahu dikenali sebagai Osama, Umar dan Ibrahim atas keberanian mereka mendedahkan hal tersebut. Ini di sebalik kedudukan Australia yang mengeksport AS\$9.1 bilion (RM40 bilion) daging lembu termasuk ke Malaysia.

Kali ini ia didakwa berlaku di rumah sembelihan yang mendapat pengiktirafan badan pensijilan halal negara berkenaan iaitu Akreditasi dan Pembangunan Halal Australia (AHDAA)

Kita sedikit lega apabila hari ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengesahkan bukan badan pensijilan halal yang diiktiraf pihaknya ketika ini.

Dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia*, Sekretariat Majlis Halal Malaysia Jakim memaklumkan, sehubungan itu mana-mana rumah sembelih di bawah seliaan AHDAA tidak dibenarkan mengeksport produk daging mereka ke Malaysia.

Bagaimanapun, AHDAA dikatakan dalam proses mahu mendapatkan kelulusan Jakim untuk membenarkan produk daging dari semua rumah sembelihan di bawah penyeliaan mereka boleh memasuki pasaran Malaysia.

Rumah sembelihan itu menggunakan kaedah *stunning* iaitu menembak pelalian tekanan bagi melemahkan haiwan sebelum disembelih. Namun cara itu boleh mengakibatkan tempurung kepala haiwan pecah jika tidak dilakukan dengan betul, sekali gus membuktikan haiwan itu mati terlebih dahulu sebelum disembelih.

Soal halal dan haram makanan amat sensitif kepada umat Islam. Terutama yang melibatkan daging import. Sebabnya, kita masih mengimport hampir 80 produk daging kerana kemampuan sara diri tempatan hanya pada tahap 20 peratus.

Dengan kata lain, majoriti restoran dan kedai-kedai makan turut bergantung kepada daging import yang selain lebih murah harganya, bekalannya juga mudah diperolehi.

Agaknya sudah berapa mangkuk tomyam daging dan daging masak merah dari Australia yang mungkin tidak halal sudah masuk dalam tengkolok kita. Barangkali itu antara punca hati kita keras, malas beribadat dan gagal menjadi mukmin.

Kes terbaharu ini adalah susulan pendedahan pelanggaran protokol halal oleh Thomas Food Industries (TFI) di Lobethal, Australia oleh *Utusan Malaysia* pada 14 April lalu.

Untuk itu, kerajaan diharap membekukan sementara import daging halal dari Australia. Ini supaya siasatan menyeluruh dapat dilakukan bagi memastikan bekalan daging tersebut benar-benar mematuhi piawaian halal ditetapkan Jakim.

Tindakan segera ini penting untuk memastikan tidak ada mana-mana pihak cuba mengambil kesempatan waima Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc. (SI-CHMA) sekalipun.

Selama ini kita tidak meragui kredibiliti Jakim dalam isu produk halal. Sebabnya, sijil halal Jakim di peringkat antarabangsa adalah melalui pengiktirafan kepada 84 badan pensijilan halal luar negara, yang merangkumi 46 negara di seluruh dunia.

**Mohd. Radzi Mohd. Zin** ialah Pengarang Berita *Utusan Malaysia*.



# Jakim tidak iktiraf AHDAA

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamajlis.com.my

**PUTRAJAYA:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengesahkan Akreditasi dan Pembanguan Halal Australia (AHDAA) bukan badan pensijilan halal yang diiktiraf pihaknya ketika ini.

Dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia*, Sekretariat Majlis Halal Malaysia Jakim memaklumkan, sehubungan itu, mana-mana rumah sembelih di bawah seliaan AHDAA tidak dibenarkan mengeksport produk daging mereka ke Malaysia.

Jelasnya, perkara itu tertakluk kepada Perintah 5 (1), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, iaitu semua makanan dan barang-barang import yang dipasarkan di Malaysia tidak boleh diperihalkan sebagai halal melainkan sudah diperakukan halal oleh badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf Jakim.

"(Bagaimanapun) Jakim mengambil maklum terhadap saranan supaya berhati-hati

Bekas pekerja rumah sembelihan lembu di Queensland buat pengakuan

## Lagi langgar protokol halal

**OSWALDIAH ENDREWS** di Brisbane, Queensland dan rumah sembelihan lembu di Queensland telah mengesahkan bahawa mereka telah melanggar protokol halal. Beliau berkata, beliau dan rakan-rakannya telah melanggar protokol halal kerana mereka tidak mematuhi peraturan halal yang ditetapkan oleh Jakim.

Beliau berkata, beliau dan rakan-rakannya telah melanggar protokol halal kerana mereka tidak mematuhi peraturan halal yang ditetapkan oleh Jakim.



disembelih. AHDAA dikatakan dalam proses mendapatkan kelulusan halal daripada Jakim untuk membenarkan produk daging dari semua rumah sembelihan di bawah penyeliaian mereka memasuki pasaran Malaysia.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan menggesa Jakim melantik pasukan pemantau di rumah-rumah sembelihan di luar negara bagi mengelak insiden pelanggaran protokol sembelihan halal dan isu daging import yang diragui status halalnya.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd. Yusof Abdul Rahman pula meminta kerajaan mengambil iktibar insiden terdahulu dan menetapkan proses pemantauan di rumah-rumah sembelihan.

Jika protokol halal ditetapkan gagal dipatuhi, Jakim perlu memberi amaran kepada badan pensijilan halal terlibat atau menamatkan perkhidmatan serta

berlaku di Thomas Food Industries (TFI) di Lobethal, Australia.

Rumah sembelihan yang mendapat pengiktirafan halal AHDAA itu menggunakan kaedah stunning iaitu menembak pelarian tekanan bagi melemahkan haiwan sebelum disembelih.

Namun cara berkenaan boleh mengakibatkan tempurung kepala haiwan pecah jika tidak dilakukan dengan betul, sekali gus mengakibatkan haiwan itu mati terlebih dahulu sebelum

dalam memberi pengiktirafan kepada rumah sembelih halal luar negara.

"Jakim juga berterima kasih atas maklumat yang diberikan berkaitan ketidakpatuhan rumah sembelih halal luar negara ini dan mengambil maklum mengenai perkara ini," katanya di sini semalam.

Akbar ini sejak Selasa lalu mendedahkan pengakuan tiga bekas pekerja bertubung ketidakpatuhan halal sebuah rumah sembelihan di Brisbane, Queensland selepas isu sama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

# 16 hektar tanah wakaf untuk projek pertanian

Salah satu usaha MAINS membantu mengatasi masalah sekuriti makanan negara

## SEREMBAN

**M**ajlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dalam peringkat akhir perbincangan dengan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) untuk membangunkan seluas 16 hektar tanah wakaf di Sendayan bagi projek pertanian.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Wakaf MAINS, Alimazri Mauludin berkata, projek itu dilaksanakan sebagai salah satu usa-

ha MAINS membantu mengatasi masalah sekuriti makanan negara.

"Ia hasil cetusan YWM dan Insya-ALLAH jika segalanya berjalan lancar ia akan dapat dilaksanakan tahun ini.

"MAINS sebagai pemegang amanah tunggal sentiasa berusaha memastikan tanah-tanah wakaf ini dibangunkan bagi tujuan memberi manfaat kepada masyarakat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagaimanapun Alimazri berkata, MAINS belum bersedia untuk melaksanakan projek perumahan di tanah-tanah wakaf di Negeri Sembilan kerana keluasan tanah yang terhad.

Jelasnya, sehingga bulan lalu, sebanyak 170 lot tanah wakaf seluas 90 hektar telah didaftarkan di bawah MAINS yang mana telah dikategorikan tanah wakaf am dan tanah wakaf khas.

"Keluasan tanah-tanah wakaf yang ada di Negeri Sembilan ini kecil, tidak seperti di negeri-negeri lain yang luas.

"Jadi, tak sesuai untuk kita bangunkan projek perumahan rakyat dan kebanyakan tanah wakaf yang ada dibangunkan lebih kepada kebajikan," katanya.

Bagi memastikan tiada tanah-



ALIMAZRI

tanah wakaf yang terbiar terutama yang terletak di lokasi tidak strategik dan mempunyai keluasan terhad, Alimazri berkata, tanah itu akan melalui proses istibdal atau 'penggantian' selepas mendapat kelulusan daripada jawatankuasa fatwa.

Ia bermaksud kata Alimazri, MAINS akan membeli sesuatu harta lain dengan hasil jualan harta

wakaf sedia ada untuk dijadikan sebagai 'mawquf' bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi cara gantian dengan harta yang sama atau harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya.

"Tanah wakaf yang dilihat kurang berpotensi, MAINS akan cadangkan kepada jawatankuasa fatwa untuk buat penggantian yang mana ia juga disebut dalam Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005

"Kita juga akan maklumkan kepada pewakaf atau waris bagi mengelakkan sebarang isu berbangkit dan nilai tanah di tempat lain yang digantikan itu juga sama dengan nilai semasa tanah yang diwakafkan.

"Ini antara pendekatan yang dilakukan oleh MAINS dengan melihat semula tanah-tanah wakaf yang berseiz kecil," katanya.

Selain itu, Alimazri berkata, MAINS juga bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk membangunkan tanah-tanah wakaf yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat.



Laporan muka depan *Sinar Harian* pada 13 Julai lalu.

# NCIA wujud Zon Ekonomi AgriBio

**PETALING JAYA:** Pihak Berkualsa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) mewujudkan Zon Ekonomi AgriBio NCER AgriBio (NAEZ) dalam usaha memoden dan menambah nilai agro makanan negara serta mengurangkan kebergantungan kepada makanan import.

NAEZ diunjurkan akan dapat menarik pelaburan melebihi RM2.5 bilion dan mencipta lebih 2,000 peluang pekerjaan.

Projek merupakan respons NCIA terhadap Dasar Agromakanan Negara (NAP) yang bertujuan untuk memacu kecekapan industri agromakanan terutamanya daripada segi memacu produktiviti serta daya saing di seluruh rantai nilai industri.

Inisiatif agen perubahan (game-changer) ini dilaksanakan dengan pendekatan yang holistik menggabungkan rantaian nilai hujung ke hujung bersepadu, disokong oleh pelbagai kemudahan dan penyediaan seperti teknologi, penyelidikan dan pembangunan serta komersial (R&D&C), modal insan dan pembiayaan.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man berkata, NAEZ akan memainkan peranan pen-



**AZLAN Man memperkerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri NCIA di Kangar, semalam.**

ting berikutan kedudukan strategik Perlis yang berhampiran sempadan Thailand dan berpotensi menarik pelabur utama untuk pembangunan ekonomi bagi membangunkan teknologi tinggi dalam sektor agromakanan.

“Perdagangan rentas sempadan dan kerjasama ini akan

menyediakan negara untuk beralih daripada negara yang bergantung kepada import kepada pengeksport bersih untuk bekalan makanan,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri (JPN) di Kangar, semalam.

Sementara itu, Ketua Eksekutif NCIA, Mohamad Haris Kader

Sultan berkata, NCIA akan menyediakan kepakaran dan pengetahuan yang diperlukan untuk membangunkan NAEZ sebagai hab serantau untuk pertanian moden yang dapat menghasilkan lebih banyak hasil di masa hadapan.

“Ketika dunia bergelut dengan ketidaktentuan akibat krisis

makanan, ini juga merupakan satu peluang untuk mengubah industri pertanian Malaysia dengan menghubungkan petani dan pekebun kecil dengan industri pertanian yang lebih besar bagi meningkatkan hasil dan akses pasaran negara. NCIA akan membantu dalam hal ini,” katanya.

Menurut NCIA, pelabur utama NAEZ, FGV Holdings Berhad (FGV) telah mengumumkan komitmennya untuk mewujudkan hab penanaman jagung berskala besar di Lembah Agro Chuping (CAV), Perlis.

Jelasnya, penanaman jagung secara besar-besaran itu dijangka dapat mengurangkan pergantungan hasil jagung import yang menjadi faktor ketidakstabilan harga bekalan ayam disebabkan oleh krisis yang berterusan antara Russia dan Ukraine.

FGV juga katanya, telah memulakan penanaman nanas MD2 dan pisang Cavendish di CAV.

“Selain menawarkan peluang pekerjaan dalam syarikat, FGV turut menyediakan peluang untuk penduduk di Perlis menjadi petani kontrak di atas tanah milik FGV di NAEZ,” jelasnya.



Dr Ng has transformed part of his home garden into a vertical farm in Subang Jaya, Selangor.  
— Photos: RAJA FAISAL HISHAN and IZZRAFIQ ALIAS/The Star



The fish breeding tanks at Elshaddai in Petaling Jaya.

# More than putting food on the table

## Aquaponics projects ensure poorer communities have access to nutritious food

By GRACE CHEN and MEGAT SYAHAR  
megatsyahr@thestar.com.my

EVERY Sunday during church service, a "green table" is set up, to give away vegetables from a community garden.

The vegetables are grown along a small strip of land about 150m from the Sungai Way-Subang Methodist Church at Kampung Sungai Kayu Ara in Petaling Jaya, Selangor.

It is part of an aquaponics project that combines fish rearing and using fish waste as nutrients for plants.

Set up in April 2021, the project was funded by the Selangor Environmental And Green Technology Small Grant programme which awarded the church RM20,000 for its aquaponics project.

At the site is a DIY greenhouse where plastic sheets form walls so

that sunlight can enter while keeping out pests.

To cool the air for optimum plant-growing conditions, water runs through a wall of radiator coils, said church pastor Dr Ng Swee Ming who is also head of the aquaponics project.

The water used is part of the filtration system for the tank which currently hosts catfish, the project's second batch of fish.

The church's first batch of 100 tilapia were harvested on May 30 during the official launch which was attended by Bandar Utama assemblyman Japalialah Jamaluddin and Kampung Sungai Kayu Ara village head Ramli Daud.

Also thriving in the greenhouse are vegetables growing in the nutrient-rich water.

Some were floating in polystyrene boxes with holes cut out at the base for the roots while others were sprouting from Dutch buckets filled with river stones.

Brazilian spinach, watercress, wolfberry leaves, French beans, okra and water convolvulus were some of the vegetables seen flourishing at the plot.

Next to the plot, the church has a two-storey corner lot house which is used as a skills training and tuition centre.

The skills centre head Lam Kuan Lock, who is also a member of the village council management committee, had mooted for the church to apply for the state grant.

"There are no records on the amount of vegetables that had been harvested since the project took off last year, but those in the community who are in need know that they can always come here for free vegetables and fish," said Lam, who is one of five people working on the project.

He said that about 100 families have received fish, in addition to vegetables.

When asked why the church had



embarked on the programme, Lam said that the aquaponics project was also part of the church's aim to educate the community.

"We have a kindergarten and the children can come to see how food is grown. It teaches them not to waste food," said Lam.

He said another objective of having the aquaponics project was also to provide food with better nutritional content to the community.



Klang are handled by two workers.



Sungai Way-Subang Methodist Church in Kampung Sungai Kayu Ara has 100 fish in its tanks.



Gan says there is a ready market for the Elshaddai's fish.

eventually be rewarded," said the centre's executive and educational director Dr Ng Oi Leng.

The organisation had previous experience with aquaponics. In 2016, the German Embassy donated RM20,000 to set up a system so that the organisation could create a source of income to sustain its operations.

After finding out that up to 40 fish could be harvested after 10 months, the organisation decided to proceed with the venture.

It received help from sponsors who donated equipment, fish fry and offered free consultancy services.

Daily care of the fish is being handled by two staff, one of whom is a Cuban national.

The project is still at the testing stage but the next harvest is expected this September.

If all goes well, the organisation can expect close to RM15,000 from the sale of Iridescent sharks from one tank.

"As we are located next to the St Barnabas church, we have a ready market.

"There are some 6,000 church members in Klang alone, so we are confident that we will be able to find a market for our fish," said Peter Gan, director of Life2life, the social enterprise arm of the centre. Plans are afoot to maximise potential income from the fish farm.

Having just received 100 Sultan fish fry from a donor, the centre is hoping to include this species in its fish farming programme.

"If we can raise this species successfully, we should be able to triple our income," said Gan.

The centre has 872 students and serves up to 600 meals a day. The students pay RM50 each a month as a token fee.



(Right) Each tank at Elshaddai Refugee Learning Centre in Klang contains 500 Iridescent sharks.

(Left) Lam says the food produced is distributed to the local community.

Lam pointed out that food aid packs are usually made up of dry, preserved and processed foodstuff, whereas a bunch of fresh vegetables would be much healthier than providing a tin of biscuits.

Besides heading the aquaponics project, Dr Ng has been growing his own food for the last 15 years. His home in Subang Jaya has a thriving garden with about 20 varieties of vegetables and herbs.

Dr Ng's plants are not only confined to his own garden; he has taken over his neighbour's plot as well with the latter's permission.

There, chilli plants grow suspended from water dispensers. Dr Ng also has a veritable collection of gadgets to monitor his plants.

There is a moisture reader for his tarragon plant, a solar-powered fan for the mushroom incubator,

plus a network of micro drips and pumps attached to his hydroponic and aquaponic sets.

The tanks house Tilapia, giant gourami, catfish and iridescent shark.

There is even a small aquarium to house fish fry and are isolated so they don't end up being eaten by adult fish.

"The giant gourami has grown so big that it is unable to fit into my wife's pan.

"We'll have to take it to a restaurant to have it cooked," he said.

Besides sustaining him and his family, Dr Ng's gardening efforts yield enough produce to be given away to close friends and neighbours.



### Self-sustaining project

Elsewhere in Klang, Selangor, another faith-based NGO embarked on fish farming to reduce dependence on public donations.

The Elshaddai Refugee Learning Centre supports refugees, migrant communities and their children.

Located at Jalan Mohet, the organisation the fish tanks are located at the compound of its shelter.

In the garden with vegetables and banana trees, are six huge tanks filled with Iridescent sharks.

This breed was chosen for its hardy nature.

"Space was never an issue for us. We knew that as long as we were willing to work hard, we would



The back lane of Jalan Berlian, Taman Perwira, Gombak, has been turned into a 130m-long community garden. — Photos: GRACE CHEN/The Star

## Weed-filled back lanes in Gombak turned into thriving vegetable plots

By GRACE CHEN

[gracechen@thestar.com.my](mailto:gracechen@thestar.com.my)

RESIDENTS of a row of single-storey terrace houses at Jalan Berlian in Taman Perwira, Gombak, say they seldom buy vegetables.

This is because they have created a community garden in their back lane.

The idea to transform what was once a messy, weed-infested area, started in March 2020 when residents turned to gardening as a way to relieve stress brought about by the movement control order.

Within five months, the veggie garden had extended from their compounds to the back lanes.

"We are good friends, so when everyone is gardening in the back lane, we used the time to chat.

"That was how the idea to transform the place into a green retreat came about," said residents Iqmal Fajri Danial and his wife Aida Haniza Adam.

The first phase saw eight houses agreeing to the plan of a paved walkway, planter boxes and rainwater harvesting systems installed at each house.

Construction began after Selayang Municipal Council gave the green light.

The project also received support from Orang Besar Daerah Gombak Tan Sri Wan Mahmood Pawan Teh, who donated funds to get it off the ground.

Impressed with the initial results, other neighbours joined and to date, 33 households are involved.

This 3m-wide green lane is now 130m long.

"On average, each house chipped in about RM2,000 for construction work," said Iqmal Fajri.

To abide with existing guidelines, the residents are careful in their choice of plants which cannot exceed 1m in height, as such trees are not allowed.

The main produce here are oyster mushrooms, cabbage, water

convolvulus, spinach, brinjal, okra, bitter melon and long beans.

There are some 100 species of vegetables and herbs planted along the entire stretch.

"Water convolvulus and spinach take about a month.

"Cabbages take the longest time at four months," said Iqmal Fajri.

The success of Jalan Berlian has inspired others living in the same housing area.

"Residents from four areas have expressed interest in replicating what we have done.

"Badan Kebajikan Perwira Setia Indah Gombak, a community

organisation, has been appointed to look into this," said Iqmal Fajri.

He hoped that the residents' efforts towards self-sustenance would see them growing their own carbohydrates such as

potatoes and cultivating fish as protein sources in future.



Resident Fazilah Kamar showing off cabbages grown in her back lane.



Iqmal Fajrit and Aida Haniza say residents decided to transform their back lanes in 2020.